



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|--------------|---|---------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 26/4/2019 | MUKA SURAT | : | 48 |
| JABATAN | : | SPAN / AIR SELANGOR | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |



TINJAUAN pili awam yang disediakan Air Selangor berdekatan Masjid Ar Rahimah Sri Andalas, Klang mendapati lokasi itu lengang, semalam.

Penduduk puji kerja baik pulih siap lebih awal

Klang: Penduduk di sekitar daerah ini dan Shah Alam menarik nafas lega apabila gangguan bekalan air susulan kerja penambahbaikan perkakasan kritikal sistem bekalan elektrik di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 (LRA SSP2) bermula kelmarin, beransur pulih.

Penduduk Taman Sri Andalas, Muhd Ali Zakariah, 44, berkata, dia memuji pihak yang melakukan kerja penambahbaikan berikutan tugas itu mampu disiapkan lebih awal daripada tempoh ditetapkan.

“Rumah saya tiada air sejak jam 10 pagi semalam (kelmarin) dan saya sudah bersiap sedia menadah air dalam tong air sebagai bekalan bagi menghadapi gangguan bekalan selama empat hari.

“Namun, pagi tadi (semalam) saya mendapati bekalan air sudah ada dan lega kerana tidak perlu menunggu lama. Mereka beri

jangkaan gangguan bekalan air selama empat hari namun dapat menyelesaikannya dalam tempoh singkat,” katanya semalam.

Sementara itu pengusaha katering, Mohd Faiz Md Khair, 32, dia turut bersyukur apabila mendapati bekalan air kembali pulih semalam.

“Kini, saya dapat kembali menjalankan perniagaan dengan menerima tempahan seperti biasa,” katanya yang menetap di Seksyen 10, Shah Alam.

Tinjauan di beberapa pili awam yang disediakan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) di sekitar dua daerah itu juga didapati kurang mendapat sambutan.

Namun, terdapat beberapa kawasan masih menghadapi gangguan bekalan air berikutan ia akan kembali pulih sepenuhnya secara berperingkat.

Selain itu, beberapa restoran di sekitar daerah ini turut didapati masih menggunakan pinggan dan cawan pakai buang plastik untuk pelanggan mereka.

Bagi pengusaha restoran yang mahu dikenali sebagai Zamri, 45, dia masih menggunakan pinggan dan cawan pakai buang berikutan tekanan air di premisnya rendah.

“Air memang sudah ada namun aliran amat kecil dan saya terpaksa menggunakan bahan pakai buang itu sehingga bekalan air kembali pulih sepenuhnya,” katanya.



SEBUAH restoran masih menggunakan cawan serta pinggan pakai buang untuk digunakan pelanggan di Andalas, Klang, semalam.



SEORANG budak di Seksyen 16, Shah Alam mandi menggunakan pili awam, kelmarin.



MUHD Ali